

Analisis Kaedah Fiqh tentang Kecerdasan Buatan (AI) menurut Pandangan Pakar Muslim

[Analysis of Fiqh Methodologies on Artificial Intelligence (AI) from the Perspective of Muslim Scholars]

Amirah Izzati Omar

Centre of Foundation Studies, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ), 02600 Perlis, Malaysia, amirahizzati@kuips.edu.my

Liena Khalida Muhamad Mahir

Centre of Foundation Studies, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ), 02600 Perlis, Malaysia, lienakhalida@kuips.edu.my

Qatrun Nada Mat Saad

Centre of Foundation Studies, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ) 02600 Perlis, Malaysia, qatrunnada@kuips.edu.my

Article
Progress:

Submission date:
1 Dec 2024
Accepted date:
20 Dec 2024

ABSTRACT

This study analyzes Fiqh methodologies related to the use of Artificial Intelligence (AI) based on the perspectives of Muslim scholars, emphasizing these methodologies as the primary framework of the research. In this era of rapidly advancing technology, AI has brought various benefits, such as increased productivity, efficiency, and innovation across multiple sectors. However, uncontrolled usage poses potential harms that conflict with Islamic principles. This study adopts a qualitative approach through document analysis, encompassing books, journals, fatwas, and circulars. The findings reveal several Fiqh principles, such as when two harms conflict, the greater harm should be avoided by tolerating the lesser harm, the principle of no harm and no reciprocation of harm, and the foundational rule that everything is permissible unless there is evidence proving its prohibition. Opinions from Muslim scholars provide guidance on ethical, moral, and legal issues related to AI, including the preservation of religion, life, intellect, lineage, and wealth. The study concludes that the use of AI is generally permissible as long as it brings benefits consistent with Fiqh principles. However, it becomes prohibited if it results in harm or violates Islamic principles. This study emphasizes the need for an ethical framework based on holistic Fiqh perspectives to ensure that AI is used responsibly in line with contemporary developments.

Keywords: *Kaedah Fiqh, Artificial Intelligence, Pakar Muslim*

PENDAHULUAN

Teknologi dalam kecerdasan buatan atau *Artificial Intelligence* (AI) semakin meningkat perkembangan sehingga tahap yang drastik dan umat Islam tidak terkecuali dalam hal ini. Aplikasi kecerdasan buatan ini terbukti apabila berupaya menggantikan tugas-tugas manusia sesuai dengan apa yang diperlukan dan diprogramkan (Sugiharto & Anshori, 2024). Sejarah membuktikan dengan COVID-19 yang telah melanda dunia telah memberi impak terhadap pelbagai sektor seperti pentadbiran, pendidikan, ekonomi, perundangan, sosial, politik dan sebagainya yang telah menyebabkan banyak pengurusan atau aktiviti terpaksa dihadkan. Ini menjadikan kemampuan tugas atau aktiviti yang tidak dapat dilaksanakan oleh manusia akan digantikan melalui aplikasi kecerdasan buatan yang telah memberikan kesan yang positif dan keberjayaan.

Secara fitrahnya diakui kecerdasan manusia yang dianugerahkan akal fikiran dengan berkemampuan untuk belajar sesuatu ilmu, dapat pengetahuan dan membezakan antara yang lain, dapat memberikan idea dan maklum balas kepada situasi yang berlaku, dapat menyelesaikan permasalahan dan sebagainya. Menurut Nur Mohd Iqzuan Samsudin et al. (2021), keupayaan aplikasi kecerdasan buatan untuk seolah-olah meniru cara manusia berfikir. Dilihat bagi sesetengah pakar adalah menggerunkan bagi kemampuan AI, dan ada pula yang melihatnya sebagai peluang untuk terus maju ke hadapan. Namun, di dalam penggunaan ini sudah pastinya mempunyai baik dan buruknya. Maka ini adalah bergantung kepada sejauh mana kita manfaatkannya supaya tidak terlibat dengan jenayah siber susulan meningkat teknologi AI. Sebagai contoh kita melihat dalam konteks Pendidikan Negara yang menjadi salah satu inovasi teknologi yang berkembang pesat ketara pada abad ke-21 ini sejajar dengan pendidikan adalah tunjang utama dalam pembangunan masyarakat dan ekonomi bagi sesebuah Negara (Yaakob, 2017).

Antaranya kita dapat melihat dari sudut mengautomatikkan tugas Pengajaran dan Pembelajaran (PDP) dengan lebih berkualiti dan aksesibiliti yang memberikan potensi luar biasa dengan memberikan transformasi positif dalam sistem Pendidikan (Ruskandi et al., 2021). Ini secara tidak langsung melahirkan graduan yang lebih bersedia untuk menghadapi cabaran di peringkat global serta berdaya saing negara dalam ekonomi teknologi digital. Tambahan lagi, Shaikh Mohd Saifuddeen turut menguatkan dalam konteks etika Islam bahawasanya perkembangan teknologi AI tidak pernah menolak perkembangan itu kerana ia mempunyai manfaat kepada kemanusiaan tetapi tetap meletakkan had, batasan dan panduan (Berita

Harian, 2024). Perbincangan ini menunjukkan bahawa AI bukan hanya soal keupayaan teknologi sahaja tetapi juga persoalan moral dan akhlak yang perlu ditekankan menurut prinsip Islam.

Dalam konteks ini, peranan kaedah Fiqh adalah penting untuk memastikan teknologi digunakan secara bermanfaat dan selari dengan syariat Islam. Bagi umat Islam, analisis penerapan AI memerlukan pendekatan holistik berdasarkan prinsip-prinsip Islam iaitu kaedah Fiqh. Kaedah Fiqh memainkan peranan penting dalam memberikan panduan untuk memahami, menilai, dan mengatur teknologi AI agar seimbang dengan prinsip-prinsip Islam. Kajian ini adalah bertujuan untuk menganalisis kaedah Fiqh penggunaan kecerdasan buatan dan implikasinya berdasarkan perspektif pakar Muslim.

KAJIAN LEPAS

Dalam dunia Islam yang semakin membangun, penggunaan kecerdasan buatan (AI) telah menarik perhatian ramai pakar Islam yang berusaha untuk memahami dan menyesuaikan teknologi ini dengan prinsip syariah dan kaedah Fiqh (Sodik, 2024). Beberapa kajian menunjukkan bahawa AI telah berkembang dengan pesat dalam pelbagai sektor seperti perubatan, pendidikan, kewangan dan pentadbiran, memberikan manfaat yang besar dari segi kecekapan dan inovasi teknologi (Talib et al., 2024). Pandemik COVID-19 telah mempercepatkan penggunaan teknologi ini, di mana AI membantu mengatasi cabaran yang timbul akibat sekatan fizikal seperti dalam sistem penjagaan kesihatan dan Pendidikan (Mohd Noor & Mohamed, 2020).

Namun begitu, kajian lepas juga menekankan aspek etika dan kesesuaian AI dengan hukum Islam. Antaranya, (Mohd Noor & Mohamed, 2020) menyebutkan bahawa penggunaan AI menunjukkan 40% kesan yang positif dan *maslahat* dalam konteks keagamaan seperti dapat menyampaikan fatwa atau hukum dengan cepat dan mudah. Selain itu, pemeliharaan kehidupan manusia (*hifz al-nafs*), salah satu daripada lima tujuan utama Maqasid Syariah perlu menjadi pertimbangan utama dalam sebarang aplikasi AI. Dari aspek bahasa, AI membantu menterjemahkan fatwa ke dalam pelbagai bahasa sehingga dapat diakses oleh negara-negara yang menterjemah fatwa tersedia ('Allam, 2023).

Kajian terdahulu juga menyebutkan bahawa pelbagai fatwa dan keputusan yang dikeluarkan oleh ulama dan badan-badan fatwa berkenaan penggunaan AI dalam masyarakat Islam. Fatwa ini sering memberikan panduan tentang bagaimana teknologi boleh digunakan

dengan adil dan beretika terutamanya dalam konteks pemeliharaan hak individu dan Masyarakat.(Yunos & Hamdan, 2024a)

Walaupun terdapat banyak kes di mana AI diakui berguna, kebimbangan terhadap privasi, ketelusan, dan kemungkinan penyalahgunaan teknologi ini turut menjadi topik perbincangan yang meluas (Yunos & Hamdan, 2024a). Dari perspektif penguatkuasaan, usaha untuk memperkasakan undang-undang melalui fatwa dan panduan agama adalah penting bagi memastikan penggunaan AI dapat memelihara Maqasid Syariah tanpa melanggar prinsip-prinsip asas yang mengawal kehidupan umat Islam(Nawi et al., 2021b).

Kajian terdahulu secara keseluruhannya menunjukkan bahawa penggunaan AI dalam kehidupan masyarakat Islam merupakan suatu keperluan yang selaras dengan kemajuan teknologi moden. AI telah memberikan impak positif yang signifikan dalam pelbagai bidang seperti perubatan, pendidikan, kewangan, dan pentadbiran, terutama dalam menangani cabaran semasa seperti pandemik COVID-19. Walau bagaimanapun, penerapan AI memerlukan kawalan yang rapi dari sudut etika, undang-undang, dan panduan agama dari sudut kaedah Fiqh. Memantapkan keseimbangan antara kemajuan teknologi dan pelaksanaan prinsip syariah, termasuk pelestarian kehidupan manusia dengan mencapai kaedah Fiqh, berkembang melalui fatwa dan pandangan para pakar ulama. Masyarakat Islam sangat memerlukan panduan agama yang berkesinambungan agar teknologi dapat dimanfaatkan secara adil dan bertika dalam kalangan masyarakat.

METHOD KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang bertujuan untuk mendapatkan kefahaman yang mendalam mengenai isu penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam konteks kehidupan masyarakat Islam bagi era teknologi pada masa kini. Pendekatan kualitatif ini melibatkan kajian kepustakaan yang komprehensif dengan merangkumi sumber primer dan sekunder seperti buku, jurnal akademik, fatwa, serta pekeliling yang relevan dengan kajian yang dilakukan. Sumber-sumber ini dipilih dengan memastikan bahawa setiap aspek perbincangan termasuk pandangan pakar Muslim dan implikasi teknologi AI terhadap Maqasid Syariah dapat dianalisis secara holistik.

Kajian kepustakaan ini bukan sahaja memberikan landasan teori yang kukuh, tetapi juga membolehkan penyelidik menganalisis pandangan dan pendirian pelbagai pihak dalam menangani isu etika dan hukum yang berkaitan dengan AI. Metode analisis dokumen digunakan

sebagai teknik utama dalam menganalisis bahan-bahan yang diperoleh. Proses ini melibatkan pembacaan, kefahaman berdasarkan apa yang dikaji dengan tujuan untuk mengenalpasti tema-tema utama yang muncul serta kaitan antara aspek teknologi dengan prinsip kaedah Fiqh.

Dengan pendekatan ini, kajian berusaha untuk meneliti kaedah Fiqh yang telah dikeluarkan oleh pakar Islam mengenai isu-isu yang berkaitan dengan AI serta bagaimana kaedah Fiqh ini memberi panduan kepada umat Islam dalam mengimbangi antara manfaat teknologi dan keperluan Muslim. Hasil analisis dokumen ini akan memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai sejauh mana aplikasi AI selaras dengan etika Islam dan bagaimana ia boleh dimanfaatkan secara bertanggungjawab dalam kehidupan harian masyarakat terutamanya kepada komuniti Islam.

DAPATAN DAN PERBAHASAN KAJIAN

Konsep Artificial Intelligence (AI)

Artificial Intelligence atau AI bermaksud kecerdasan buatan. Ia merujuk kepada keupayaan mesin untuk melaksanakan tugas yang biasanya memerlukan kecerdasan manusia, seperti persepsi visual, pengecaman pertuturan, membuat keputusan dan terjemahan bahasa. AI ialah bidang yang luas merangkumi pelbagai teknologi dan pendekatan termasuk pembelajaran mesin, pembelajaran mendalam, pemprosesan bahasa semula jadi dan robotik. AI semakin disepadukan ke dalam teknologi yang dihadapi pengguna, tetapi pemahaman orang awam tentang teknologi ini selalunya terhad (Long & Magerko, 2020).

AI juga boleh ditakrifkan dalam konteks reka bentuk tertentu, kes penggunaan, atau keupayaan dengan mengikuti pendekatan berasaskan risiko, bukan menggunakan istilah "kecerdasan buatan" untuk tujuan pengawalseliaan (Schuett, 2019). *Takrifan* AI secara inklusif bukan sahaja tertumpu kepada teknologi AI tradisional malah boleh merangkumi teknologi lain yang mempunyai ciri-ciri seperti AI, seperti sistem sokongan keputusan, sistem pakar, dan sistem berasaskan peraturan (Stone, 2020).

Fungsi AI

AI dapat melakukan tugas yang berulang dan membosankan secara automatik serta memberi ruang kepada manusia untuk melakukan tugas yang lebih kreatif dan kompleks disamping boleh meningkatkan proses membuat keputusan dengan menganalisis jumlah data yang besar dan mengenal pasti corak serta wawasan yang mungkin terlepas pandang oleh manusia. Ia juga mampu membantu dalam penemuan dan penyelidikan saintifik dengan menyediakan alat serta

kaedah baru untuk analisis data, simulasi, dan pemodelan (*The european commission's high level expert group on artificial intelligence a definition of AI: Main capabilities and scientific disciplines a definition of AI: Main capabilities and scientific disciplines*, 2018).

AI boleh meningkatkan keupayaan manusia dalam bidang seperti persepsi, penalaran, pembelajaran, dan interaksi membawa kepada aplikasi dan inovasi baru (Elliot, 2022). AI boleh meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pelbagai industri seperti penjagaan kesihatan, kewangan, pengangkutan, dan pembuatan dengan mengoptimumkan proses dan mengurangkan kos (Bartneck et al., 2020).

APLIKASI AI: KELEBIHAN DAN KEBURUKAN DALAM KECERDASAN BUATAN

Teknologi pada hari ini mencapai evolusinya apabila mampu mempelajari corak kehidupan manusia bagi memudahkan urusan seharian. Beberapa dekad yang lalu, kemampuan AI hanya mampu dilihat menerusi filem-filem yang memaparkan bagaimana teknologi ini berfungsi dalam membantu manusia membuat sebarang keputusan. Namun pada masa kini, ia bukan lagi satu teori malah digunakan secara meluas di beberapa negara termasuk Malaysia. Sesuatu teknologi yang mengalami kemajuan demi kemajuan sudah tentu mempunyai manfaat dan keburukan kerana teknologi AI ini dilihat telah mengambil alih pekerjaan manusia (Fitriyani et al., 2021).

Antara manfaat atau kebaikan yang dikesan melalui teknologi AI ialah ia mampu meningkatkan produktiviti sesuatu pekerjaan. Dengan adanya teknologi ini, pekerjaan akan lebih efisien dan dilakukan dengan jangka masa yang singkat jika dibandingkan kemampuan manusia. Selain itu, sektor pekerjaan yang menggunakan teknologi AI dapat dilakukan secara automatik (Tulungen et al., 2022). Maka secara tidak langsung ia mengurangkan penggunaan tenaga manusia serta kesalahan yang mungkin dilakukan lebih-lebih lagi melibatkan pengumpulan data dan lain-lain.

AI dapat meningkatkan kualiti hidup individu dengan menyediakan perkhidmatan yang peribadi dan bersifat adaptif, seperti pendidikan, hiburan, dan penjagaan kesihatan (Elliot, 2022) malah mempunyai potensi untuk menangani beberapa cabaran paling mendesak di dunia, seperti perubahan iklim, penjagaan kesihatan, dan kemiskinan, dengan menyediakan penyelesaian dan wawasan baru. Ia juga boleh mencipta peluang ekonomi baru dan pekerjaan dalam bidang seperti sains data, pembelajaran mesin, dan robotik (*The european commission's high-level expert group on artificial intelligence a definition of AI: Main capabilities and scientific disciplines a definition of AI: Main capabilities and scientific disciplines*, 2018).

AI boleh membantu organisasi dan kerajaan untuk lebih memahami dan memberi respons terhadap isu sosial dan alam sekitar yang kompleks, seperti ketidaksetaraan, keselamatan, dan respons terhadap bencana. AI dapat menyatakan isu mengenai etika dan sosial, seperti berat sebelah, privasi, dan pertanggungjawaban, yang perlu diselesaikan melalui pembangunan dan penggunaan teknologi AI (Schuett, 2019).

Hampir setiap sektor, AI menjadi tulang belakang bagi menggerakkan pelbagai inovasi untuk membantu manusia dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi serta melibatkan isu-isu mencabar. Kemajuan teknologi AI membolehkan doktor mengesan penyakit-penyakit kritikal sejak dari awal seperti penyakit kanser. Penyakit-penyakit berbahaya ini mampu dicegah dan dipantau pada peringkat awal menggunakan teknologi buatan AI (Yunos & Hamdan, 2024b). Selain daripada diagnosis, ia juga membantu menyelidik serta menganalisis data pesakit dan mengenalpasti potensi risiko kesihatan setiap pesakit. Disamping mempercepatkan proses rawatan menggunakan teknologi perubatan terbaru (Ishak et al., n.d.).

Walaupun terdapat banyak manfaat tetapi keburukan teknologi ini juga terserlah disebabkan ia tidak mampu berfikir logik dan hanya diprogramkan mengikut kehendak manusia yang membuatnya. Kekurangan teknologi AI dilihat banyak bersangkutan dengan kehidupan manusia antara yang paling ketara ialah mengakibatkan pengangguran. Hal ini disebabkan tugas-tugas yang sebelumnya dilakukan oleh manusia sudah diambil alih oleh teknologi AI sehingga berpotensi menjadikan peratusan pengangguran semakin meningkat (Natasuwarna, 2019). Manusia juga terdedah kepada berbagai risiko kerana teknologi ini bergantung sepenuhnya kepada data yang dikumpulkan. Oleh itu, teknologi ini perlu dilengkapi bersama langkah-langkah keselamatan yang ketat supaya tidak berlaku ketirisan data yang melibatkan maklumat-maklumat privasi umum.

Di dalam sektor akademik pula, penggunaan teknologi AI menjejakkan cara pemikiran manusia. Manusia kurang berfikir secara kritis dan kreatif. Mereka menggunakan AI untuk melakukan penelitian dan membantu menulis *makalah-makalah* ilmiah dengan menggunakan kemudahan yang ada (Faisal & Adnan, 2021). Hal ini menjadikan hasil dapatannya kurang memuaskan disebabkan teknologi ini tidak mampu membuat penilaian dan memahami sesuatu perkara dengan pemikiran rasional dan intelektual. Sentuhan manusia sangat diperlukan dimana terdapat unsur empati serta subjektif yang tidak mungkin didapati pada teknologi AI.

Antaranya lagi, AI menggunakan kos yang tinggi dalam pembuatannya. Keupayaan mencipta mesin bagi mengambil alih keupayaan manusia memerlukan sumber yang banyak

sehingga menelan perbelanjaan yang besar (A. D. Zakaria et al., n.d.). Ia juga memerlukan masa yang panjang. Peroperasian peralatan mestilah menggunakan perisian terkini supaya mudah dikemaskini disamping dapat memenuhi keperluan semasa sekaligus menjadikan ia agak mahal. Etika dan moral tidak boleh didapati pada teknologi AI kerana ia merupakan ciri manusia yang paling penting, begitu juga penambahbaikan. Tidak dinafikan teknologi ini mampu menyimpan sebilangan data dengan jumlah yang besar, namun ia masih belum mencapai tahap kecerdasan manusia dalam sebarang penambahbaikan.

ANALISIS KECERDASAN BUATAN MENURUT PERSPEKTIF PAKAR ISLAM

Penglibatan manusia dalam bidang teknologi amat digalakkan dalam Islam selagi mana memberi kebaikan serta dapat dimanfaatkan. Malah, Islam tidak melarang kepada umatnya untuk mempelajari ilmu teknologi dan sains serta berkemampuan untuk mencipta inovasi atau mahir dalam melakukan revolusi industri (Adhiguna, 2021). Walaubagaimanapun, sebagai manusia yang beragama Islam sudah pastilah setiap perkara yang dilakukan ada batasannya. Disebutkan dalam firman Allah SWT berkaitan peringatan yang boleh berlaku daripada perbuatan manusia itu sendiri yang bermaksud “*Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia: (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)*”. (Surah Rum, ayat 30:41)

Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bahagian Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) berperanan mengeluarkan, mempertimbangkan dan memutuskan fatwa terhadap perkara atas setiap perkara yang dirujuk (Mustapha et al., 2019). Sebagaimana kebanyakan masyarakat mengetahui penggunaan teknologi akan terdedah kepada cabaran dan risiko yang dapat mempengaruhi kepentingan Kaedah Fiqh. Apabila sesuatu keberhasilan dan pencapaian dalam aplikasi automasi yang berunsur kepada *syubhah* atau diragui statusnya, maka perlu dinilai dan disemak dalam Al-Quran dan Sunnah. Dalam memutuskan sesuatu hukum, segala keraguan dirujuk kepada Al-Quran dan Sunnah yang berasaskan dalil *naqli* dan *aqli* (Ibrahim et al. 2018). Prof Dr Yusuf al-Qaradhawi menegaskan Allah SWT tidak mensyariatkan sesuatu secara kebetulan tetapi mensyariatkan untuk suatu hikmah yang mempunyai rahmat dan kebaikan terhadap manusia. (Muhammad Yusry, 2022).

Umat Islam yang sejati akan menjadikan al-Quran dan hadis sebagai panduan untuk memacu teknologi ke arah yang komprehensif dan lebih teratur demi mewujudkan masyarakat Islam majmuk yang lebih berkualiti dan berinovasi berteraskan keilmuan Islam (Nairozle et. Al, 2018). Sebagai manusia, kita mestilah mengkaji dan metadabburi akan kebesaran alam untuk memahami serta mendalami akan ilmu supaya dapat membentuk manusia yang bertamadun dan berkualiti sepertimana firman Allah SWT yang bermaksud: *“Sesungguhnya pada penciptaan langit dan bumi, pergantian malam dan siang, kapal yang berlayar di laut dengan (muatan) yang bermanfaat bagi manusia, apa yang diturunkan Allah dari langit berupa air, lalu dengan itu dihidupkan-Nya bumi setelah mati (kering), dan Dia tebarkan di dalamnya bermacam-macam binatang, dan perkisaran angin dan awan yang dikendalikan antara langit dan bumi, (semua itu) sungguh, merupakan tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi orang-orang yang mengerti.”* (Al-Baqarah 2: 164).

Malah, dapat dilihat melalui perkembangan teknologi yang bermula pada zaman Nabi lagi dan diperluas oleh para cendekiawan dan ilmuan Islam sepertimana firman Allah SWT iaitu yang bermaksud *“Dan Dia mengajarkan kepada Adam nama-nama (benda-benda) seluruhnya, kemudian mengemukakannya kepada para Malaikat lalu berfirman yang bermaksud: “Sebutkanlah kepada-Ku nama benda-benda itu jika kamu memang benar orang-orang yang benar”.* (Al-Baqarah 2:31). Menurut Ibn al-Athir, Nabi Adam AS diajar oleh Allah SWT melalui Jibril AS cara-cara menanam pokok dan membuat besi (Ibn al-Athir, 1978:24).

Ini membuktikan penguasaan terawal manusia dalam bidang sains dan teknologi dimiliki oleh Nabi Adam AS. Kita juga dapat mengambil pengajaran daripada zaman Nabi Nuh AS bagaimana Allah SWT telah memberi wahyu untuk mencipta kapal bagi menyelamatkan umatnya yang beriman daripada banjir besar (Adhiguna, 2021). Dengan pengetahuan yang dikurniakan oleh Allah SWT, Nabi Nuh AS telah mendapat ilmu pengetahuan membina kapal yang boleh memuatkan ribuan bahkan ratusan haiwan. Hal ini menunjukkan bahawa era teknologi dalam Islam pada ketika itu sememangnya menakjubkan dan canggih. Dalam pembuktian yang lain dapat dilihat melalui penjelasan daripada dalil Al-Quran yang menceritakan tentang kejadian manusia seperti firman Allah SWT yang bermaksud: *Dan Dia (pula) yang menciptakan manusia dari air, lalu Dia jadikan manusia itu (mempunyai) keturunan dan musuh-musuh dan Tuhanmu adalah Mahakuasa* (Surah al-Furqan, 25: 54). Ditambah pula dengan dikuatkan dengan penjelasan yang lebih terperinci melalui firman Allah SWT bermaksud *“Dan sesungguhnya Kami menciptakan manusia dari saripati (yang berasal) dari tanah kemudian Kami jadikan saripati itu (setitis) air mani pada penetapan yang kukuh:*

kemudian Kami ciptakan air mani itu menjadi segumpal darah beku lalu Kami ciptakan darah beku itu menjadi seketul daging; kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang; kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu Kami bentuk ia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya. Maka nyatalah kelebihan dan ketinggian Allah SWT sebaik-baik Pencipta.” (Surah al-Mu’minun 23: 12-14). Daripada firman Allah SWT diatas, ini membuktikan Al-Quran telah membuktikan pencapaian teknologi dan sains dengan sumber asas yang *qati’e* dalam sains kemanusiaan serta bidang berkaitan. Jelas apabila melalui teknologi pada masa kini menggunakan aplikasi automasi atau AI ini telah dapat melihat kejadian manusia dengan pembentukan embrio ketika dalam kandungan dapat diimejkan seorang bayi dengan mengetahui jantina dengan jelas, telah membuktikan kebenaran yang di dalam Al-Quran (Abdullah, 2003).

ANALISIS KAEDAH FIQH DALAM AI

Kajian ini secara tidak langsung akan memberikan kesedaran kepada penggunaan AI tentang kebaikan mengaplikasikannya dan kemudaratan penyalahgunaan teknologi AI dalam kehidupan masyarakat. Secara umumnya masyarakat awam terutamanya kurang pendedahan dari sudut hukum pensyariatkan mengenai isu kontemporari dengan melibatkan teknologi AI. Dengan perubahan yang berlaku dengan begitu pantas, para ilmuan berperanan dalam menyesuaikan pandangan yang berlaku pada masa kini selaras dengan syariat Islam. Jelas bahawasanya kaedah umum mengenai sesuatu perkara adalah sesuai dalam hukum bagi kaedah Fiqh iaitu:

الأَصْلُ فِي الْأَشْيَاءِ الْإِبَاحَةُ

Maksudnya:

“Asal bagi sesuatu perkara adalah harus”. (Al-Asybaah wal-Nazhair, Al-Suyuthi (1/133).

Berdasarkan kepada kaedah di atas, ia menunjukkan bahawa hukum asal bagi sesuatu perkara adalah harus. Justeru, ia boleh menyebabkan berlakunya salah faham di sisi sebahagian masyarakat bahawa kaedah ini umum untuk kesemua perkara termasuklah dengan perkembangan teknologi AI. Namun, kaedah ini terikat dengan kaedah umum diatas iaitu dalam melakukan pertimbangan perkara asas dalam kaedah Fiqh yang iaitu:

الأَصْلُ فِي الْأَشْيَاءِ الْإِبَاحَةُ حَتَّى يُدُلَّ الدَّلِيلُ عَلَى التَّحْرِيمِ

Maksudnya:

“Asal bagi sesuatu perkara adalah harus sehinggalah datangnya dalil yang menunjukkan kepada keharaman (perkara tersebut)”. (Al-Asybah wa al-Naza’ir oleh al-Suyuti, hlm. 60)

Hakikatnya, kaedah di atas jelas mengenai kaedah yang digunakan untuk mengharuskan penggunaan tentang teknologi AI selagi tiada dalil menunjukkan keharamannya. Ini adalah disebabkan sekiranya sesuatu perkara itu tidak terdapat padanya dalil mengenai pengharamannya, maka ia kekal kepada hukum asal iaitu harus. Namun jika telah terdapat padanya dalil akan pengharaman penggunaan AI, maka hukum sesuatu perkara itu menjadi haram.

Syeikh Saad Al-Shammari menyatakan bahwa prinsip asas dalam syariat Islam adalah mengharuskan sesuatu perkara kecuali ada dalil yang menunjukkan larangan atau *mafsadah*, terutama di dalam perkara yang memberi kebaikan atau *maslahah* kepada orang ramai. Pada era global yang mencabar ini di mana kemajuan teknologi seperti AI telah memudahkan perbagai aspek kehidupan seperti dalam urusan muamalat, komunikasi, kesihatan, pendidikan, dan sebagainya. Sebagai contoh dalam AI yang memainkan peranan dalam merancang, membantu berdasarkan maklumat sebelumnya dengan menghasilkan keputusan yang diperlukan.

Walaupun bagaimanapun penting untuk ditingkatkan bahawa penggunaan AI haruslah sesuai dengan prinsip-prinsip etika, termasuk larangan untuk membocorkan privasi atau maklumat individu, menipu, atau mencemarkan nama baik seseorang tanpa bukti yang betul. Jika ada ketidaksesuaian dengan nilai-nilai agama atau etika, tindakan tersebut dapat mengakibatkan tanggungjawab kepada individu yang melakukan kesalahan tersebut dengan memberikan *mafsadah* kepada masyarakat yang beragama Islam.

Tambahan lagi, Syeikh Dr. Muhammad Al-Hamoud Al-Najdi dalam memberikan pandangan tentang AI sebagai ilmu dan tidak ada salahnya selagi tiada larangan hukum dan merupakan salah satu perkara yang dibolehkan kerana manfaat yang ada kepada manusia dan sesuai dengan apa yang ditetapkan dalam undang-undang selagi tiada dalil larangannya. Sepertimana Firman Allah SWT pada dalil keumuman yang bermaksud: “*Dan Dia telah menundukkan untuk kamu apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi sepenuhnya daripada-Nya.*” (Al-Jathiyah: ayat 13)

Tambahan lagi, kaedah Fiqh ini turut berkaitan dengan teknologi AI iaitu:

إذا تعارض مفسدتان روعي أعظمهما ضررا بارتكاب أخفهما

Maksudnya:

“Apabila bertembungnya dua *mafsadah*, maka dipelihara (ditolak) *mafsadah* yang paling besar dengan melakukan *mafsadah* yang lebih ringan”.

درء المفاسد أولى من جلب المصالح

Maksudnya:

“Menolak kerosakan lebih utama daripada mencari kemaslahatan”. (Al-Qawa'id al-Fiqhiyyah Baina al-Asalah wa al-Taujih, 2/12)

Dr Al-Najdi menekankan keperluan *maslahah* berdasarkan kepada dalil yang membolehkannya serta segala yang mendatangkan *mafsadah* juga dengan dalil yang melarangnya. Sebagai contoh robot merupakan mesin mekanikal yang direka bentuk menyerupai manusia yang mana diprogram dengan keupayaan untuk menjalankan tugas tertentu sama ada di rumah, kilang, dan sebagainya. Robot ini dilengkapi dengan kemampuan ingatan untuk menerima maklumat dan digunakan dalam pelbagai bidang yang khusus. Bidang kerja yang diprogramkan untuk dilaksanakan oleh robot ini seringkali melibatkan tugas yang sukar berbahaya seperti operasi perlombongan, pembersihan bahan radioaktif atau tugas industri yang memerlukan ketepatan yang tinggi atau yang sesuatu yang merumitkan.

Oleh itu, adalah jelas bahawa penggunaan robot ini adalah dibenarkan atas dasar faedah dan *maslahah* yang besar diberikannya kepada manusia. Walaubagaimanapun jika bertujuan pembuatan robot tersebut bertentangan dengan hukum syarak seperti membawa kepada perbuatan yang salah atau rasuah maka penggunaannya menjadi haram dan tidak dibenarkan. Dr Al-Najdi menegaskan keperluan untuk berhati-hati dan mempertimbangkan larangan terhadap pembuatan imej yang melibatkan manusia atau penciptaan makhluk hidup yang lain serta menjelaskan hukuman bagi pelaku yang terlibat dalam amalan tersebut. Larangan terhadap penciptaan imej ditegaskan melalui undang-undang kerana tindakan tersebut dianggap sebagai satu perbuatan syirik terbesar yang melanggar hak mutlak Allah SWT dan merupakan sebab utama penyelewengan agama dalam kalangan masyarakat. (Akhbar Al-Anbaa, 2023)

Malah, antara kaedah Fiqh juga dapat diaplikasikan dalam AI adalah:

لا ضرر ولا ضرار

Maksudnya:

“Tidak ada kemudharatan dan tidak boleh membuat kemudharatan”. (Riwayat Ahmad (2865) dan Ibn Majah (2340).

الضرورة تقدر بقدرها

Maksudnya:

“Sesuatu Yang Diharuskan Ketika *darurat* Adalah Mengikut Kadarnya.”

Antara contoh bagi penggunaan AI dalam industri penjagaan Kesihatan boleh menjadi penyelesaian kepada masalah dengan memainkan peranan penting dalam kemajuan teknologi penjagaan Kesihatan seperti Pembelajaran Mesin (ML). AI telah mengubah tugas menjaga pesakit dan mendiagnosis penyakit. Ia membuat perubahan besar dalam penjagaan kesihatan, seperti mencari penyakit lebih awal dan memberi rawatan yang sesuai dengan setiap pesakit.

Dalam penjagaan kesihatan, AI boleh meramalkan antaranya penyakit diagnosis daripada rekod perubatan pesakit dan meramalkan penyakit yang berisiko yang lain yang membawa kepada peningkatan kadar pemulihan pesakit dan mengurangkan kos penjagaan kesihatan. Malah, AI digunakan dalam pelbagai bidang penjagaan Kesihatan seperti menganalisis imej, meramalkan arah aliran kesihatan dan membantu doktor membuat keputusan. Namun terdapat cabaran dan halangan seperti kebimbangan terhadap privasi dan kehilangan pekerjaan dalam bidang kedokteran terhadap sektor industri. Maka penting untuk memastikan mempunyai kepakaran dalam bidang ini dengan memahami penjagaan kesihatan dan menggunakan data yang betul supaya tidak berlaku *mafsadah* yang lebih besar terhadap teknologi seperti Pembelajaran Mesin (ML).

Oleh yang demikian, langkah-langkah dalam penerapan pelaksanaan kaedah Fiqh wajar dijadikan panduan dalam kaedah “Tidak ada kemudharatan dan tidak boleh membuat kemudharatan” atau “sesuatu yang diharuskan ketika *darurat* adalah mengikut kadarnya sesuai bagi mengatasi dan mengimbangi penggunaan AI pada masa akan datang.

Malah, pendekatan kaedah fiqh adalah berkaitan apabila berlakunya ‘illah iaitu:

الحكم يدور مع علته وجودا وعدما

Maksudnya:

“Sesuatu hukum berlegar bersama-sama ‘*illah*nya ketika ia ada dan tiada”.

Kata Ibn Qayyim al-Jauziyyah, kaedah ini adalah bermaksud apabila Allah mengaitkan sesuatu hukum dengan sebab ataupun ‘*illah* tertentu, maka hukum tersebut akan hilang apabila hilangnya kedua-duanya iaitu sebab atau ‘*illah*. (I’lam al-Muwaqqi’in, 4/80) Justeru, ‘*illah* (sebab) menjadi punca utama dalam memutuskan satu-satu hukum terkait dengan teknologi AI. Jika wujud ‘*illah* maka wujudlah hukum. Sebaliknya, jika tiada ‘*illah* tersebut, maka tiadalah hukum. (Zulkifli, 2023).

KAEDAH MAQASID SYARIAH DALAM AI

Bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) yang merupakan bekas Mufti Wilayah Persekutuan berkata, teknologi AI mestilah tidak mendatangkan kemudaratan kepada diri sendiri dan kepada orang lain, atau hanya memanfaatkan diri sendiri tetapi mendatangkan kemudaratan atau kesusahan kepada orang lain. Kayu ukur kemudaratan dan kemanfaatan adalah kepada lima teras atau prinsip Maqasid Syariah selaras dengan Al-Quran dan Sunnah (Zulkifli, 2023). Menurut Dr Ahmad Al-Raisuni, maksud Maqasid ialah matlamat-matlamat yang ingin dicapai oleh Syariat demi kepentingan umat. Dalam Maqasid Syariah ini dapat dibahagikan di bawah cabang *daruriyat al-khamsah*. Menurut Imam al-Ghazali, tujuan syariat itu ada lima iaitu untuk memelihara agama, nyawa, keturunan, harta dan akal. Ia menjadi tunjang dan batu asas dalam apa jua perintah dan larangan dalam Islam. Antaranya adalah:

1. Penjagaan agama (*Hifz Al-Diin*): Memelihara agama merupakan objektif penciptaan, roh kehidupan, intipati kewujudan dan rahsia manusia.
2. Penjagaan diri (*Hifz Al-Nafs*): Jiwa adalah pelengkap kepada kehidupan untuk melaksanakan dan mengurus tadbir urusan agama, pembangunan sosial, ekonomi dan Negara.
3. Penjagaan akal (*Hifz Al-'Aql*): Akal diperlukan untuk membezakan di antara perkara yang baik dan buruk, untuk berfikir dan melaksanakan perancangan dengan teratur. Hukum syariat yang telah ditetapkan oleh Allah juga bertujuan untuk menjaga akal supaya dapat berfungsi dengan baik supaya tidak berlawanan dengan apa yang diperintahkan.
4. Penjagaan nasab keturunan (*Hifz Al-Nasl*): Pemeliharaan nasab keturunan diperlukan untuk memastikan keturunan yang baik terus kekal, tidak ada penzinaan, permasalahan etika dalam perkembangan masa dan teknologi.

5. Penjagaan harta (*Hifz Al- Mal*): Penjagaan harta diperlukan kerana harta sebagai sumber yang penting untuk melakukan muamalat dalam bidang ekonomi dan dengan harta manusia mampu memperbaiki kehidupannya serta tolong-menolong di antara satu sama lain daripada sudut penghasilan, pengagihan, pertolongan dan sebagainya. Ia bertujuan menjaga harta dan hak-hak manusia.

Salah satu prinsip bagi Maqasid Syariah yang dapat diaplikasikan dalam penggunaan dan pelaksanaan AI. Apabila terdapat isu ataupun risiko yang jelas berkaitan AI perlu diteliti dan diselesaikan terlebih dahulu sebelum kita melihat kepada pelbagai manfaat yang bakal diperoleh. Ini menjadi perkara yang lebih penting apabila berlaku pertembungan diantara *mafsadah* dan *maslahah*. Apabila wujud kemudaratan berkaitan Maqasid Syariah pada teknologi melibatkan AI, wajib ia ditinggalkan atau digantikan dengan alternatif lain yang menepati syarak. (Zulkifli,2023). Timbangan *maslahah* dan *mafsadah* terbahagi kepada tiga bahagian iaitu: bertembung di antara *maslahah* dan *maslahah*, bertembung di antara *mafsadah* dengan *mafsadah*, bertembung di antara *maslahah* dan *mafsadah*.

1) Pertembungan di antara *maslahah* dan *maslahah*.

Apabila berlaku pertembungan di antara *maslahah* dengan *maslahah*, maka hendaklah kita melihat dan mendahulukan kepada *maslahah* yang lebih besar. Antara perkara penting yang perlu diteliti adalah: mendahulukan di antara *maslahah* umum daripada *maslahah* khusus, mendahulukan di antara *maslahah* akhirat berbanding *maslahah* dunia, mengutamakan *maslahah* yang bersifat jangka masa panjang berbanding jangka masa singkat, mendahulukan *maslahah* yang berbentuk *jauhar* (intipati) berbanding *maslahah al- syaklu* (luaran).

2) Pertembungan di antara *mafsadah* dengan *mafsadah*.

Apabila bertembung di antara *mafsadah* dengan *mafsadah*, maka hendaklah didahulukan *mafsadah* atau mudarat yang lebih kecil kesannya berbanding mudarat yang lebih besar kesannya. Perkara penting yang perlu diteliti adalah: Tidak boleh melakukan mudarat kepada diri sendiri dan menyebabkan mudarat kepada orang lain. Mudarat tidak akan dapat dihilangkan dengan melakukan mudarat sepertinya atau lebih besar daripadanya seperti membalas mudarat yang besar dengan mudarat yang kecil atau mudarat yang umum dengan mudarat yang khusus. Situasi mudarat akan mengharuskan tindakan yang haram sekadar untuk melepaskan mudarat tersebut sahaja seperti memakan daging *khinzir* untuk menahan kelaparan yang boleh membawa maut. Contoh di dalam teknologi AI dengan tidak mendatangkan kemudaratan kepada diri sendiri dan kepada orang lain, atau dimanfaatkan

untuk kepentingan diri sendiri sehingga mendatangkan kemudharatan atau kepayahan kepada orang lain.

3) Pertembungan di antara *maslahah* dan *mafsadah*.

Apabila berlaku pertembungan di antara *maslahah* dengan *mafsadah*, maka hendaklah melihat kepada keseluruhan *maslahah* dan *mafsadah* tersebut, kesannya dan kondisinya. Antara perkara yang perlu diteliti adalah: pertembungan ini berlaku hasil daripada tindakan yang membawa perkara *maslahah* dan *mafsadah* dalam keadaan bersama sekaligus. Sekiranya sesuatu tindakan yang dilakukan boleh membawa *maslahah* yang besar berbanding *mafsadah* yang lebih kecil, maka utamakan *maslahah* dengan melaksanakan tindakan tersebut. Sekiranya tindakan tersebut membawa kepada *maslahah* yang sedikit berbanding *mafsadah* atau mudarat yang lebih besar, maka tinggalkan perkara tersebut. Sekiranya tindakan tersebut membawa kepada *maslahah* serta *mafsadah* yang sama atau sama besar, maka tinggalkan perkara tersebut. (Zamri & Yunos, 2023). Apabila wujud kemudharatan dalam teknologi AI, wajib ditinggalkan atau digantikan dengan anasiatif dan pendekatan alternatif selaras dengan keperluan syarak.

AI Menurut al - 'Allamah Syeikh Abdullah bin Bayyah

Agama Islam amat menitikberatkan untuk mendapatkan ilmu dan mencapai pengetahuan sebagaimana firman Allah SWT bermaksud “*Dan berdoalah dengan berkata: Wahai Tuhanku, tambhilah ilmuku*” (Surah Taha:114). Oleh itu, peranan dalam menggalakkan manusia menuntut ilmu merangkumi makna yang luas dalam membentuk tamadun dengan melahirkan masyarakat yang berintelektual. Menurut Syeikh Abdullah, sebarang bentuk AI perlu meraikan batasan akhlak yang menjadi nilai yang paling tinggi bagi kedudukan manusia dengan memelihara kemuliaannya dan kehidupannya. Sepertimana yang dilihat AI telah menguasai dan mampu menduduki seperti sektor pengajaran, pengakutan, kesihatan, latihan, pembuatan dan sebagainya. Ini membuktikan ia telah menambahkan kehidupan manusia yang lebih baik.

Namun, beliau mengingatkan bahawa AI boleh membuka pintu yang membawa kepada banyaknya bahaya dan malapetaka apabila penggunaannya tersalah langkah. Maka sebagai panduan adalah meletakkan *kulliyat al-khams* iaitu memelihara agama, kehidupan, akal, pemilikan harta benda dan keluarga. Sepertimana telah berlaku ancaman-ancaman dari sudut gangguan (*privacy*) seperti pencerobohan data maklumat, pemalsuan maklumat, kehilangan harta benda atau pemilikan disebabkan penyalahgunaan data melalui AI. Oleh itu, beliau menyeru para pemimpin, perlaksana, kerajaan dan pihak-pihak yang berautoriti untuk bekerjasama bagi

membesarkan faedah daripada AI dan mengecilkan mudaratnya berdasarkan neraca akhlak Islam. (Hosni et al., 2023)

AI menurut garis panduan Dr Zulkifli Muhammad Bakri

- 1) Setiap perkara perlu kepada tujuan dan matlamat yang jelas bagi penggunaan dan penciptaanya. Ini berdasarkan hadis yang bermaksud: “Sesungguhnya setiap orang memperoleh apa yang diniatkan.” [Riwayat Imam al-Bukhari].
- 2) Kaedah dalam *Qawaid Fiqiah* ada menyebutkan bagi dasar yang pertama adalah bermaksud: Setiap perkara bergantung kepada niatnya.” (Lihat al-Asybah wa al-Naza’ir oleh al-Suyuti, hlm. 30).
- 3) Kaedah *Sadd al-zari’ah*. Sebarang bentuk AI hendaklah menyanggahi sifat *sanam* (berhala) atau *timthal* (patung) yang bernyawa.
- 4) Sifat *gharar* dan penipuan. Elakkan penggunaan dan penciptaan wajar disertakan penafian (*disclaimer*) yang boleh diketahui umum.
- 5) Tidak menyelahi dari sudut norma manusia seperti menggantikan *taklif rabbani* terhadap manusia seperti mengerjakan ibadah solat, puasa, haji dan sebagainya.
- 6) AI tidak boleh menyentuh sensitiviti agama seperti isu *ghaibiyat* dan lakaran wajah Rasulullah SAW sebagai contohnya.
- 7) Kajian mendalam mengenai nisbah kesalahan jenayah mebabitkan kemalangan samada melibatkan sistem atau manusia.
- 8) Tidak menyelahi kurnian manusia sebagai *karamah insaniyyah*. Sebagaimana dalam Firman Allah SWT “Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam.” (Surah al-Isra’ :70) Imam al-Qurtubi dalam tafsirnya mengatakan mengenai *karamah insaniyyah* yang dikurniakan oleh Allah SWT bahawa manusia diberi nikmat yang pelbagai. Antara nikmat tertinggi yang Allah SWT kurniakan adalah kemuliaan dan kehormatan diri dimana dua nikmat ini tidak ada pada makhluk yang lain. Selain itu, manusia juga diberikan akal dan kelebihan bertutur yang sempurna bagi membezakan perkara baik dan buruk serta mengucapkan kata-kata yang baik. (Lihat *al-Jami’ li Ahkam Al-Quran*, 5/190)
- 9) Pembuktian berbentuk audio, video atau imej adalah sebagai *qarinah (circumstantial evidence)* pada masa akan datang.

Secara jelas bahawa AI adalah perkara yang baharu yang muncul pada zaman mutakhir ini. Secara umumnya hukum asal sesuatu perkara adalah halal dan diharuskan sehinggalah terdapatnya dalil yang melarang atau mengharamkannya. “Syekh al-Islam Ibn Taimiyyah

menyebutkan, aku tidak mengetahui terdapatnya perselisihan daripada mana-mana ulama salaf (terdahulu) bahawa apa-apa perkara yang tidak ada dalil yang menunjukkan kepada pengharamannya, maka ia adalah mutlak tidak dilarang. Sesungguhnya terdapat banyak *nas* mengenai perkara tersebut daripada mereka yang membicarakan berkenaan usul al-fiqh dan cabang-cabangnya. Aku merasakan sebahagian daripada mereka menyebutkan bahawa dalam hal itu telah mencapai *ijma'* yang diyakini atau sangkaan (yang kuat) seperti mana tahap yakin.” (*Majmu'al-Fatawa*, 21/538).

Kaedah Fiqh adalah sebagai manifestasi kebaikan dan kemudahan Islam dan melepaskan kesusahan pada sesuatu yang terbeban dan memberatkan. Sebagai seorang Muslim sudah pasti memahami kaedah dengan baik. Jika seseorang bertindak menggunakan untuk perkara yang haram atau mengandungi unsur yang diharamkan dalam syarak dalam penggunaan AI, maka hukumnya menjadi haram. Maka, termasuklah dalam perkara baharu ini adalah AI. Jadi tidak ternafi bahawa isu-isu fiqh yang baharu akan terus timbul seperti kemajuan teknologi Kecerdasan Buatan yang menjadi perbualan dan dibincangkan oleh ulama iaitu berkenaan etika dan *maqasid syariah* yang perlu dibangunkan dengan lebih terperinci dan holistik bagi mengikut garis panduan serta melindungi manusia.

Realiti apa yang berlaku sekarang adalah berkaitan dengan penciptaan imej model yang menggunakan AI yang perlu diawasi kerana dibimbangi boleh membawa kepada fitnah dan kemudaratan kepada manusia. Dalam konteks etika penggunaan media sosial, penuliran gambar disunting perlu dibimbangi kerana ia mengancam masyarakat. (Berita Harian Online, 2019). Daripada hadis Rasulullah SAW sebagaimana sabdanya yang bermaksud: “Sesungguhnya orang yang paling berat seksanya di sisi Allah SWT ialah para pelukis” [Riwayat al-Bukhari 5950]. Imam al-Tabari menyatakan, apa yang dimaksudkan di sini ialah sesiapa yang melukis sesuatu sebagai sembah selain daripada Allah SWT sedangkan dia mengetahuinya dan berniat menyembahnya, maka dengan sebab itu dia menjadi kafir. Tetapi, jika orang yang melukis itu tidaklah bermaksud yang demikian, maka dia dikira melakukan maksiat sahaja dengan perbuatannya itu. Malah, seseorang yang berniat untuk melawan ciptaan Allah dan menciptakan *prompt* untuk tujuan disembah atau dipuja, maka akan dikira sebagai dosa besar sepertimana hadis yang bermaksud “orang yang paling berat menerima seksaan pada hari kiamat ialah orang yang mahu menandingi ciptaan Allah SWT.” [Riwayat al-Bukhari (5954) dan Muslim (2107)].

Dari sudut peruntukan undang-undang berkaitan kesalahan moral, terdapat beberapa peruntukan undang-undang yang diletakkan dalam perundangan Syariah di Malaysia. Namun

undang-undang jenayah Syariah sedia ada tidak meliputi kepada penggunaan AI. Ini memberi cabaran kepada penguatkuasaan undang-undang jenayah di Malaysia disebabkan perkembangan teknologi ini bergerak pantas. Sebagai contoh, kesalahan lelaki menyerupai perempuan di dalam Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 seperti berikut:

Seksyen 30. Lelaki berlagak seperti perempuan.

Mana-mana lelaki yang memakai pakaian perempuan atau berlagak seperti perempuan di mana-mana tempat awam untuk tujuan yang tidak bermoral adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya. Daripada kenyataan ini dapat fahami bahawa seorang lelaki hanya boleh disabitkan melakukan kesalahan apabila menyerupai perempuan jika memakai pakaian perempuan di mana-mana tempat awam dengan niat untuk tujuan tidak bermoral. Namun, apabila perbuatan menyerupai perempuan yang berlaku di media sosial dan menggunakan AI dalam aplikasi *FaceApp*, sukar untuk mengenakan tindakan undang-undang peruntukan yang dinyatakan diatas (M. R. bin Zakaria, n.d.).

Adapun lukisan atau gambar pemandangan semula jadi yang tidak bernyawa seperti tumbuh-tumbuhan, pepohon, lautan, gunung-ganang, matahari dan seumpamanya, maka tidak menjadi salah apabila melakukan *prompt* tersebut. Berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Aisyah RA beliau berkata: Maksudnya: “Aku mempunyai kain tabir padanya terlukis gambar burung, dan setiap orang yang masuk rumahku akan melihatnya. Maka Rasulullah SAW berkata kepadaku: ‘Pindahkanlah (tabir) ini, kerana setiap kali aku masuk ke rumah dan melihatnya, aku akan teringat akan dunia.’ [Riwayat Muslim (2107)]. Daripada hadis ini, adalah baginda tidak meminta untuk menguntingkannya atau memotongnya, akan tetapi baginda meminta mengubahnya dari tempat asal. Maka, jika gambar-gambar itu adalah gambar makhluk bernyawa yang dijana AI, maka ia adalah tidak diharamkan. Hakikatnya, gambar-gambar sebegitu bukanlah difahami dengan makna “sempurna”, jauh sekali untuk dimuliakan dan diagungkan, dan tidak bermaksud untuk menandingi ciptaan Allah SWT. Oleh itu, harus melakar gambar model bagi tujuan mempromosi akan sesuatu produk dalam penggunaan AI. Namun, harus diingatkan bahawa asas syarak, mesti diutamakan seperti penghasilan yang menutup aurat serta tidak menimbulkan syahwat atau bertujuan mempromosikan perkara yang diharamkan.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, sejarah lampau telah membuktikan bahawa tamadun Islam pernah memberikan sumbangan yang tidak ternilai kepada peradaban dunia (Al-Hassani,2017). Ini terbukti apabila para cendekiawan dalam pelbagai bidang menunjukkan jalan dalam menyelesaikan pelbagai masalah pada masa silam. Masyarakat Islam sebagai pengguna bakal mempengaruhi langskap permintaan pasaran dan akan menjadi kumpulan sasaran terbesar dalam produk penghasilan AI pada masa hadapan sejajar dengan teknologi yang semakin global.

Perkembangan AI menjadi keperluan dalam pembinaan sesuatu etika dan garis panduan bagi diteliti dari masa ke semasa untuk membincangkan dan mendepani pelbagai isu dari sudut kaedah Fiqh dan disiplin ilmu khususnya Masyarakat agama Islam. Penyediaan kerangka etika Islam dalam pelbagai aspek penyelidikan akan dapat melindungi hak dan kepentingan semua Muslim secara global. Penggunaan dan pelaksanaan AI dengan mematuhi kaedah Fiqh yang dikemukakan, maka sudah pasti ia adalah amat baik serta memberi *maslahah* dan kemudahan kepada Masyarakat Islam secara khususnya. Sepertimana firman Allah SWT “Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran.” [Surah al-Baqarah: 185].

RUJUKAN

Al-Quran, Surah Rum, ayat 30:41

Al-Quran, Surah Al-Baqarah ayat 2: 164

Al-Quran, Surah Al-Baqarah ayat 2:31

Al-Quran, Surah al-Furqan ayat 25: 54

Al-Quran, Surah al-Mu'minun ayat 23: 12-14

Al-Quran, Al-Jathiyah ayat:13

Abdullah, C. H. (2003). *Al-Qur'an: satu pendekatan saintifik*.

Adhiguna, B. (2021). Pandangan Al-Qur'an Terhadap Ilmu Pengetahuan Dan Implikasinya Dalam Pembelajaran Sains. *Inkuiri: Jurnal Pendidikan Ipa*, 11(2), 76-83.

Faisal, S. A. M., & Adnan, N. H. (2021). Tahap Kesiediaan Dan Penerimaan Guru Dalam mempraktikkan Penggunaan Teknologi Digital Ri 4.0 Sebagai Bahan Bantu Mengajar Dalam Pendidikan Rendah: [Level of Readiness and Acceptance Of Teachers In Practicing The Use

Of Digital Technology Ir 4.0 As A Teaching Aids In Primary Education]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education*, 1(3), 66–80.

Fitriyani, R. A., Putri, L. T., & Adawiyah, R. (2021). Tren Teknologi Artificial Intelligence Pengganti Model Iklan Di Masa Depan. *Jurnal Sosial-Politika*, 2(2), 118–129.

Hosni, A., Ariffin, M. F. M., & Ishak, H. (2023). Editorial Notes: Isu Dan Cabaran Chatgpt Terhadap Pengajian Islam. *Al-Turath Journal of Al-Quran and Al-Sunnah*, 8(1).

Ishak, W. H. W., Siraj, F., & Othman, A. T. (n.d.). *Sistem Sokongan Pemutusan Pintar Dalam Perubatan*.

Mohd Noor, N. A., & Mohamed, K. (2020). Teknologi IR4. 0: Permata di Era Pandemik. *International Journal of Law, Government and Communication*, 3(21), 240–247.

Mustapha, A., Ali, E. M. T. E., & Saadan, M. K. K. (2019). Kepentingan Maqasid Shari'ah Dalam Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia: The Importance of Maqasid Shariah in The Muzakarah of The National Fatwa Council for Islamic Religious Affairs Malaysia. *Journal Of Muwafaqat*, 2(1), 132–150.

Natasuwarna, A. P. (2019). Tantangan Menghadapi Era Revolusi 4.0-Big Data Dan Data Mining. *SINDIMAS*, 1(1), 23–27.

Nawi, A., Yaakob, M. F. M., Hussin, Z., Muhaideen, N. D. M., Samuri, M. A. A., & Tamuri, A. H. (2021a). Keperluan Garis Panduan Dan Etika Islam Dalam Penyelidikan Kecerdasan Buatan. *Journal of Fatwa Management and Research*, 26(2), 280–297.

Ruskandi, K., Pratama, E. Y., & Asri, D. J. N. (2021). *Transformasi Arah Tujuan Pendidikan di Era Society 5.0*. CV. Caraka Khatulistiwa.

Sodik, A. (2024). Peran Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence) dalam Mendorong Inovasi Manajemen Pendidikan Islam di Era Revolusi Industri 4.0. *an-Naba*, 7(1), 9–18.

Sugiharto, A., & Anshori, V. W. (2024). Penggunaan Artificial Intelligence Dalam Mempersiapkan Khotbah Yang Efektif. *Alucio Dei*, 8(2).

Talib, M. N. M., Nurodin, M. H., Shukri, J. A. A., Zainal, A. N. A., Sattar, A. A. A., & Mokhtar, S. (2024). Hala Tuju Pendidikan Tinggi Islam Dalam Memacu Transformasi Malaysia Madani. *International Journal of Modern Education (Ijmo)*, 6(22).

Tulungen, E. E. W., Saerang, D. P. E., & Maramis, J. B. (2022). Transformasi digital: Peran kepemimpinan digital. *Jurnal EMBA: Jurnal Riset Ekonomi, Manajemen, Bisnis Dan Akuntansi*, 10(2).

Yaakob, M. N. (2017). Pembangunan model kurikulum m-pembelajaran kursus teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran di institut pendidikan guru. *Unpublished Doctoral Dissertation, Universiti Utara Malaysia*.

- Yunos, A. S., & Hamdan, M. N. (2024a). Kecerdasan Buatan Dalam Penjagaan Kesihatan: Analisis Dari Sudut Pandang Maqasid Al-Shariah. *Journal Information and Technology Management (Jistm)*, 9(35).
- Zakaria, A. D., Zakaria, Z., Azmi, M. A. F. M., & Mahadi, I. A. (n.d.). *Pembedahan Robotik Masa Hadapan (Penerbit USM)*. Penerbit USM.
- Zakaria, M. R. (n.d.). Kesalahan Lelaki Berlagak Seperti Perempuan: Permasalahan Perspektif Definisi Jenayah Di Bawah Enakmen Syariah Negeri-Negeri Di Malaysia. *Cabaran Pengajian Islam Dalam Era Revolusi Industri 4.0*, 164.
- Zamri, M. F. N., & Yunos, A. S. (2023). Aplikasi Qa'idah al-Maqasid "al-Tarjih Baina al-Masalih" dalam Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan: Analisis Terhadap Isu Perubahan. *Al-Takamul al-Ma'rifi*, 6(1), 1-13.
- Bartneck, C., Lütge, C., Wagner, A. R., & Welsh, S. (2020). What Is AI? *An Introduction to Ethics in Robotics and AI*. <https://api.semanticscholar.org/CorpusID:224851075>
- Elliot, M. (2022). What is AI? *Architecture in the Age of Artificial Intelligence*. <https://api.semanticscholar.org/CorpusID:189039753>
- Long, D., & Magerko, B. (2020). What is AI Literacy? Competencies and Design Considerations. *Proceedings of the 2020 CHI Conference on Human Factors in Computing Systems*. <https://api.semanticscholar.org/CorpusID:211264278>
- Schuett, J. (2019). A Legal Definition of AI. *ArXiv*, abs/1909.0. <https://api.semanticscholar.org/CorpusID:202540855>
- Stone, P. (2020). A Broader, More Inclusive Definition of AI. <https://api.semanticscholar.org/CorpusID:226462835>
- The European Commission's High-Level Expert Group on Artificial intelligence and Definition of AI: Main Capabilities and Scientific Disciplines Adefinition Of AI: Main Capabilities and Scientific Disciplines. (2018) <https://Api.Semanticscholar.Org/Corpusid:248158320>
- Abdul Hakim Bin Baharudin @ Ismail. (2020). Pandangan Hukum Penggunaan FaceApp: Satu Tinjauan Di Malaysia. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020) - Dalam Talian 24 & 25 November 2020*, 278-286. Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995.
- Mohd Aizat Shamsuddin. (2009, Mac 12). Penggunaan teknologi AI dalam Islam tertakluk batas garis panduan, *Berita harian*, 1, pada pautan: <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/03/539871/penggunaan-teknologi-aidalam-islam-tertakluk-batas-garis-panduan>.

Ainul Yaqin Bakharudin. (2020, Julai 01). Irsyad Hukum Siri Ke- 524: Hukum Mengubah Foto Wajah Menggunakan Faceapp, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/4550-irsyad-al-fatwa-siri-ke-524-hukum-mengubah-foto-wajah-menggunakan-faceapp>

Laman Sesawang Rasmi bagi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Malaysian Communications and Multimedia Commission. (2020.Nov 11). Salah Guna Media Sosial: 48 Kes Didakwa Di Mahkamah Setakat Suku Ketiga 2020, MCMC. Pada pautan: <https://www.mcmc.gov.my/ms/commons/print?printpath=/Media/Press-Releases/SalahGuna-Media-Sosial-48-Kes-Didakwa-Di-Mahkamah&classname>.

Zulkifli Al-Bakri, (2023, Mei 15). Masa depan Islam dan AI, Ma'ali Syeikh Zulkifli Muhammad Albakri: pada pautan <https://www.astroawani.com/berita-teknologi/jenayah-siber-dijangka-terus-meningkat-susulan-kepesatan-teknologi-ai-kpn-437646>
<https://zulkiflialbakri.com/22-masa-depan-islam-dan-ai/>

Nurul Ihsanah Omar, (2024, Julai 31). Impak Artificial Intelligence terhadap pendidikan negara, Berita Malaysia Gazette. Pada pautan: <https://news.mypolycc.edu.my/impak-ai-terhadap-pendidikan-negara/>

Thomas Davemport, Ravi Kalakot (2019) The potential for artificial intelligence in healthcare, - Potensi untuk kecerdasan buatan dalam penjagaan Kesihatan, National Library of Medicine. <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC6616181/>